

## PENDIDIKAN MORAL TAHUN 1

### ULANGKAJI

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Sikap toleransi dapat mengelakkan berlakunya \_\_\_\_\_ antara satu sama lain.
- 2 Razif menolak \_\_\_\_\_ kawannya yang mahu ponteng sekolah.
- 3 Jika kita melakukan kesilapan terhadap orang lain kita mestilah \_\_\_\_\_ maaf.
- 4 Gunakan kemudahan awam dengan \_\_\_\_\_ yang disediakan untuk kita.
- 5 Sikap malas belajar dan tidak membuat kerja sekolah merupakan sikap yang tidak \_\_\_\_\_.
- 6 Kita hendaklah sentiasa \_\_\_\_\_ ibu bapa semasa di rumah.
- 7 Jefri dan abangnya meminta \_\_\_\_\_ daripada ibu mereka untuk keluar bermain di padang berhampiran rumah.
- 8 Berikan perhatian kepada guru ketika guru sedang \_\_\_\_\_.
- 9 Jangan bermain dengan benda \_\_\_\_\_ dan berbahaya.
- 10 Kami \_\_\_\_\_ membersihkan kelas kami supaya bersih dan ceria.

|                  |                  |          |        |
|------------------|------------------|----------|--------|
| tajam            | meminta          | izin     | ajakan |
| bertanggungjawab | bergotong-royong | mengajar | baik   |
|                  | pergaduhan       | membantu |        |

(10 markah)

Garisi jawapan yang betul.

- 1 Semua kerja menjadi mudah jika kita mengamalkan sikap ( bekerjasama, kesederhanaan ).
- 2 Orang yang ( malas, rajin ) tidak akan berputus asa dalam hidupnya.
- 3 Mei Lan bertutur dengan bahasa yang ( sopan, kasar ) sama ada ketika bercakap dengan ibu bapa, guru-guru mahupun kawan-kawan.
- 4 Sikap berterima kasih hendaklah kita amalkan untuk ( mempersiapkan, menghargai ) orang lain.
- 5 Amalan menjaga kebersihan diri merupakan amalan ( membanggakan, menyayangi ) diri sendiri.
- 6 Kita wajib ( patuhi, elakkan ) peraturan sekolah kerana peraturan ini dapat mendisiplin diri kita.
- 7 Menjaga alam sekitar merupakan satu cara kita ( menghargai, memusnahkan ) ciptaan Tuhan.
- 8 Jane Siaw ( menghalau, menjemput ) kawan-kawannya yang datang meraikan Tahun Baharu Cina di rumahnya.
- 9 Semasa guru sedang mengajar, kita tidak boleh ( bercakap, menangis ) atau bermain.
- 10 Orang yang bersikap rajin akan ( dibenci, disayangi ) semua orang.

(10 markah)